



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 23 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KUCING BAKA PERSIAN DIRAMPAS DI LAPANGAN TERBANG, NEGERI SELANGOR/KL, SH -22 BAWA KUCING GUNA PESAWAT PERIBADI, NEGARA, KOSMO -12 KUCING PARSY DISELUDUP GUNA PESAWAT PERIBADI, DALAM NEGERI, UM -33	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5.	SARAWAK BANS PORK FROM SABAH, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 SARAWAK BANS PIGS FROM SABAH, NATION, THE STAR -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6.	KITA SENTIASA ALERT ISU NANAS, RENCANA, UM -15	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
7.	PERTANIAN PINTAR GUNA TEKNOLOGI IOT, NASIONAL, BH -9	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
8.	APMM ZON KUALA KEDAH RAMPAS 34 SET BUBU NAGA, LOKAL, HM -19	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kucing baka *Persian* dirampas di lapangan terbang

SUBANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas seekor kucing baka *Persian* yang diimport dari Kemboja di Skypark FBO Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini pada Khamis lalu kerana tidak mempunyai dokumen dan permit import.

Pengarah Maqis Selangor, Zambri Hashim berkata, siasatan mendapati kucing itu dibawa masuk warga China menaiki pesawat peribadinya.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati pemilik kucing itu gagal mengemukakan permit import Maqis serta dokumen berkaitan.

“Kegagalan untuk mengemukakan dokumen permit import semasa pemeriksaan

di pintu masuk satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

“Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun, atau kedua-duanya,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Katanya, adalah penting untuk pengimport mematuhi syarat pengimportan haiwan peliharaan bagi memastikan ia bebas daripada sebarang risiko penyakit.

Tegasnya, Maqis sentiasa teliti dalam melakukan pemeriksaan bagi setiap komoditi haiwan, tumbuhan serta karkas sama ada yang diimport atau dieksport.



Kucing baka *Persian* yang dirampas Maqis di Skypark FBO Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang pada Khamis lalu.

Wanita gagal tunjuk permit, haiwan dirampas

Bawa kucing guna pesawat peribadi

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM - Tindakan seorang perempuan warga China membawa seekor kucing Parsi menggunakan pesawat peribadi tanpa permit berjaya dikesan pihak berkuasa baru-baru ini.

Haiwan itu dikesan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) selepas pesawat yang dinaiki wanita berusia 43 tahun tersebut dari Kemboja tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang di sini pada pukul 4.30 petang, Khamis lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Zambri Hashim berkata, siasatan awal mendapati kucing yang berharga RM350 itu dibawa masuk ke negara ini untuk tujuan peliharaan.

"Pemeriksaan mendapati haiwan itu tidak mempunyai permit import yang sah.

"Ini merupakan rampasan pertama direkodkan Maqis menerusi pesawat peribadi," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelas beliau, kegagalan untuk mengemukakan dokumen permit import semasa pemeriksaan di pintu masuk negara merupakan kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Sabit kesalahan, wanita itu boleh dikenakan hukuman den-



KUCING Parsi yang dirampas pihak Maqis Selangor di Subang pada Khamis lalu.

da tidak melebihi RM100,000 atau penjara sehingga enam tahun atau kedua-duanya.

"Adalah penting untuk pengimport mematuhi syarat-syarat pengimportan haiwan peliharaan bagi memastikan haiwan tersebut bebas sebarang risiko penyakit.

"Maqis sentiasa teliti dalam melakukan pemeriksaan bagi setiap haiwan, tumbuhan serta karkas sama ada yang diimport atau dieksport bagi mengawal dan menjaga biosekuriti, kawalan penyakit serta keselamatan makanan di dalam negara kita," katanya.



INILAH pesawat peribadi yang membawa kucing parsi milik seorang wanita warga China.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Kucing parsi diseludup guna pesawat peribadi

SHAH ALAM: Tindakan seorang wanita warga China menyeludup masuk seekor kucing parsi dari Kemboja untuk peliharaan dengan menggunakan pesawat peribadi sia-sia selepas perbuatan itu dikesan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri, Khamis lalu.

Kucing berharga RM350 itu dikesan dalam pemeriksaan dijalankan kira-kira pukul 4.30 petang di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dekat sini.

Pengarah Maqis negeri, Zamri Hashim berkata, hasil pemeriksaan dijalankan mendapati kucing tersebut tidak mempunyai permit import sah dan dokumen yang diperlukan.

"Malah, pemilik berusia 43 tahun itu gagal mengemukakan permit import Maqis dan dokumen berkaitan.

"Ini adalah rampasan pertama penyeludupan melibatkan pesawat peribadi dan keterangan awal diambil mendapati pemilik terbabit berada di Malaysia atas urusan kerja," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Zamri menegaskan, kegagalan mengemukakan dokumen permit import semasa pemeriksaan di pintu masuk adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Menurutnya, jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Penting untuk pengimport mematuhi syarat-syarat pengimportan haiwan peliharaan bagi memastikan haiwan tersebut bebas daripada sebarang risiko penyakit," ujarnya.

Sarawak bans pork from Sabah

KUCHING: Sarawak has banned the import of pigs, pork and porcine products from Sabah with immediate effect in the wake of news that eight out of 13 pigs sampled in Pitas, Sabah tested positive for African swine fever.

Sarawak Deputy Chief Minister and Minister for Modernisation of Agriculture, Native Land and Regional Development Datuk Amar Douglas Uggah Embas said yesterday the ban was made under Section 8 of the Sarawak Veterinary Public Health Ordinance.

"The people are advised not to buy or bring in any pork or pork products from Sabah or any neighbouring countries. Anyone who contravenes this import ban order or imports any animal or animal product without a permit commits an offence (under Section 9 of the Ordinance) and can be fined up to RM50,000 or imprisoned for two years, or both."

He said the Department of Veterinary Services Sarawak would also tighten biosecurity measures in the state, especially in Limbang Division which borders Sabah, and intensify surveillance of the disease throughout Sarawak.

– Bernama

Sarawak bans pigs from Sabah

Move comes after eight mammals tested positive for African Swine Fever

KUCHING: Sarawak has banned the importation of pigs, pork and pork products from Sabah with immediate effect following news that eight out of 13 pigs sampled from Pitas, Sabah, tested positive for African Swine Fever (ASF).

Sarawak Deputy Chief Minister Datuk Amar Douglas Uggah Embas said the ban was made under Section 8 of the Sarawak Veterinary

Public Health Ordinance 1999.

"The public is advised not to buy or bring in any pork and pork products from Sabah or any other neighbouring countries.

"Anyone who contravenes this Import Ban Order or imports any animal or animal product without permit is committing an offence and can be fined up to RM50,000 and/or jailed for two years," he said

in a statement.

Uggah, who is also Modernisation of Agriculture, Native Land and Regional Development Minister, said the state Veterinary Services Department (DVSS) would also

tighten biosecurity measures in the state, especially in Limbang Division which borders Sabah, and intensify ASF disease surveillance throughout Sarawak.

"DVSS will also step up its awareness campaign and regulatory measures to ensure that the virus does not enter the state.

"Sarawak is still free from African Swine Fever," he said.

Uggah said DVSS had conducted several engagement and awareness sessions with the relevant stakeholders, including farmers, importers, Malaysia Airport Holdings Bhd

and other government agencies in Sarawak, on the ban.

"DVSS will continue to enforce the Veterinary Public Health Ordinance 1999 to ensure pork and pork products imported are from ASF-free countries," he added.

Sarawak has a population of 30,000 sows producing 455,000 porkers annually worth RM455mil. — Bernama

23/2/2021

UTUSAN
MALAYSIA

RENCANA

15

Kita sentiasa alert isu nanas

APA pembaharuan yang Datuk laksanakan sepanjang menjadi Pengerusi LPNM?

Saya masih baharu di LPNM bermula Jun 2020, kita fokus untuk meningkatkan pendapatan penanam nanas di samping ingin mengukuhkan tanaman nanas MD2 kerana ia varieti premium yang kita cukup yakin akan menambah pendapatan mereka.

Nilai jualan dan permintaan varieti itu tinggi serta pemasaran yang

lebih mudah, contohnya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama lalu nanas MD2 tetap menjadi pilihan masyarakat sehingga ke hari ini dan tidak cukup di pasaran.

Pasaran nanas dikatakan amat pertaban ketika ini?

Saya akui baru-baru ini tular isu lambakan nanas Moris, varieti ini memang banyak digunakan untuk segmentasi masakan yang digunakan dalam majlis-majlis. Apabila PKP

kali kedua, majlis tidak dibenarkan menyebabkan hasil tualan berlebihan di sebalik permintaan berkurangan.

Alhamdulillah, LPNM mengambil langkah proaktif dengan membantu pekebun nanas jenis ini di beberapa daerah yang berdepan masalah pasaran dengan memasar dan melakukan pemedanan bersama kilang pengetinan. LPNM berharap tindakan yang telah dilakukan ini sedikit sebanyak memberi kelegaan

kepada pekebun yang terlibat.

Saya turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kerana telah membantu pekebun nanas jenis Moris yang terjejas dalam memasarkan buah tersebut.

Harapan Datuk kepada warga kerja LPNM?

Penting untuk penanam-penanam nanas mendaftar

bersama LPNM, jadi kita boleh alert (berwaspada) dan tahu masalah mereka. Hubungan baik antara penanam dan warga kerja LPNM ini akan membuatkan lebih mudah untuk kita tangani apa-apa isu.

Jadi, harapan saya warga LPNM sentiasa turun ke kawasan supaya isu yang wujud pada peringkat awal berada dalam pengetahuan mereka. Insya-Allah dengan cara ini, tak akan jadi isu besar seperti berlakunya lambakan nanas Moris.



Tanaman anggur di Taman Agroteknologi MARDI di Pulau Langkawi menggunakan rangkaian Maxis NB-IoT membantu memantau tanaman secara jauh

Pertanian pintar guna teknologi IoT

Maxis bantu petani tambah baik kecekapan, tingkat ekosistem tempatan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi dan bertanggungjawab dalam pengeluaran makanan serta keperluan asas kita. Semestinya, sektor pertanian amat dekat di hati rakyat Malaysia.

Pada 2019, sektor pertanian menyumbang sekitar 8 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Oleh itu, petani yang masih mempraktikkan kaedah bertani secara tradisional mempunyai peluang besar untuk memanfaatkan teknologi baharu bagi meningkatkan hasil tanaman dan pendapatan.

Kebergantungan terhadap sektor berkenaan bagi meraih pendapatan harian, masih kekal sehingga kini. Ada juga segelintir petani yang masih mengekal dan mempraktikkan kaedah tradisional, meskipun landskap dunia berubah saban tahun.

Era globalisasi ternyata mempengaruhi gaya dan kaedah pertanian masa kini yang tidak lagi bergantung penuh terhadap alatan tradisional, sebaliknya segala-galanya kini boleh dilakukan di hujung jari.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjangkakan, penghasilan pertanian global akan meningkat 69 peratus antara 2010 dan 2050, di samping peningkatan populasi penduduk dunia yang dijangka 9.7 bilion pada 2050.

Bagi memenuhi permintaan ini, industri pertanian beralih menggunakan teknologi, terutama Internet Kebanderaan (IoT) demi produktiviti dan kecekapan lebih baik.



Ahmad Safuan Bujang



Claire Featherstone

Melalui kaedah pertanian pintar, petani tidak perlu lagi turun ke lapangan bagi menabur baja, melakukan siraman dan sebagainya, sebaliknya mereka boleh berbuat demikian, misalnya dengan menggunakan telefon pintar.

Ternyata kaedah 'semuanya hanya di hujung jari' boleh di realisasikan dengan memanfaatkan teknologi jalur lebar, aplikasi dan peranti pintar.

Syarikat telekomunikasi terkemuka negara, Maxis tekad dan komited membantu sektor pertanian negara dengan mengemulakan kepakaran mereka dalam bidang Internet dan penggunaan IoT.

Penyelesaian pertanian pintar berteraskan teknologi 5G antara lain merangsang penggunaan teknologi baharu dalam industri, selain mengintegrasikan teknologi moden lain seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, data raya, drone dan robotik.

IoT adalah sistem peranti pengkomputeran yang saling berkaitan, mesin, mekanikal dan digital, objek, haiwan ataupun orang yang sediakawan dengan pengecaman unik (UID) serta keupayaan untuk memindahkan data melalui rangkaian tanpa memerlukan interaksi manusia dengan manusia atau komputer.

Selain itu, IoT juga adalah Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan semakin menjadi keperluan penting bagi transformasi digital perusahaan mahupun perniagaan.

Teknologi IoT membolehkan jumlah besar data dikumpul dan analisis data lanjutan akan mem-

bantu perusahaan untuk membuat keputusan lebih baik bagi mencapai penjimatan kos, menambah baik kecekapan dan mencipta peluang perniagaan baharu.

Konsep 'Pertanian Pintar dan 'Kebun Pintar' yang menjadi fokus Maxis dengan menjalinkan kerjasama erat dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menjalankan projek mengumpul serta memantau maklumat bagi kegunaan pertanian tepat membandingkan tanaman anggur di Taman Agroteknologi MARDI di Pulau Langkawi, Kedah.

Kerjasama Maxis dengan MARDI membolehkan data pemantauan automasi memfokuskan enam pemboleh ubah persekitaran meliputi kelembapan tanah, nilai pH, EC, cahaya persekitaran, suhu dan kelembapan.

Timbalan Pengarah Program Pertanian Pintar dan Tepat (EP3) MARDI, Dr Ahmad Safuan Bujang, berkata kerjasama dengan Maxis dalam sektor pertanian boleh menjadi bidang penting untuk memulakan penggunaan 5G.

Beliau menjelaskan, penggunaan peranti *Narrow-Band* (NB-IoT) adalah untuk membantu penyelidikan pertanian MARDI mengukur data merangkumi kadar kelembapan tanah, nilai pH, jumlah cahaya, suhu dan persekitaran tanaman anggur.

"Hasil daripada data yang diteruskan Maxis ke atas 15 kotak tanaman anggur yang ditanam bawah bumbung plastik dengan sensor yang diletakkan di setiap kotak, di pihak MARDI kita



Kerjasama dengan Ladang Durian Bao Sheng menerusi penjelajahan buah IoT dikenali 'Durian Sense'.

mengesahkan data berkenaan dari segi ketepatan, kebolehpercayaan dan struktur tanah tanaman anggur.

"Saya lihat penggunaan NB-IoT adalah kos rendah dan memerlukan kad sim khas la tahan lama sehingga 10 tahun selain sesuai untuk kawasan jauh.

"Sebelum ada IoT, kita perlu catat keperluan tanah, nutrien. Dengan pengenalan NB-IoT ia sebenarnya memainkan peranan besar untuk kita memastikan hasil daripada tanaman anggur itu tinggi atau tidak. Selain itu, ia juga mengoptimalkan penggunaan input," katanya.

Melalui penggunaan konsep pertanian tepat menerusi rangkaian Maxis NB-IoT, petani boleh memantau secara jauh keadaan tanaman mereka menggunakan aplikasi web dan turut menerima amaran awal mengenai kemungkinan perubahan persekitaran.

Oleh itu, petani boleh mengambil tindakan awal untuk memaksimumkan nilai hasil tanaman.

Selain MARDI, Maxis juga bekerjasama dengan Ladang Durian Bao Sheng yang terletak di Pulau Pinang.

Jalinan kolaborasi itu membolehkan hal penyelesaian sensor penjelajahan durian dikuasai IoT yang dikenali 'Durian Sense'.

Dengan penyelesaian itu, ia membantu mengumpul butiran pokok durian yang buahnya su-

dah masak atau jatuh atas jaring.

Ketua Amalan Perusahaan Maxis, Claire Featherstone, berkata menerusi kepakaran syarikat itu, pihaknya komited memperluaskan ekosistem tempatan dalam usaha membantu perniagaan memanfaatkan penggunaan teknologi.

"Peluang untuk NB-IoT sangat besar kerana ia dapat menjadi alat untuk memacu data raya dan membantu membolehkan penggunaannya dalam kehidupan nyata.

"Kami di Maxis menyuarakan komitmen untuk mengembangkan ekosistem tempatan untuk membantu perniagaan melihat manfaat sebenar dari penggunaan teknologi IoT.

"Kerjasama kami dengan MARDI dan Ladang Durian Bao Sheng adalah contoh usaha dalam usaha penyelidikan dan pembangunan, memperlihatkan kemajuan pelaksanaan penyelesaian NB-IoT untuk mengukur tanah dan air, utiliti pintar dan menjejaki aset.

"Semestinya, matlamat kami adalah untuk menjalinkan kerjasama dengan rakan kongsi untuk memanfaatkan teknologi terkini bagi memberi kesan positif terhadap seluruh industri," katanya.

Untuk mengetahui lebih lanjut bagaimana mendapat kebaikan daripada rangkaian luas penyelesaian IoT dari Maxis Business layari <https://bit.ly/3avjuIE>.

APMM Zon Kuala Kedah rampas 34 set bubu naga

Alor Setar: Bubu naga yang penggunaannya boleh merosakkan ekosistem di laut dikesan digunakan pihak tidak bertanggungjawab di perairan Tanjung Jaga, Yan dekat sini.

Berikutan itu, sebanyak 34 set bubu naga dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Kuala Kedah di kawasan perairan itu hasil pemeriksaan yang dijalankan.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak berkata, peralatan bubu naga itu dirampas ketika rondaan dilakukan anggotanya di kawasan itu kira-kira jam

5 petang, kelmarin.

Menurutnya, bubu naga yang berukuran kira-kira 10 meter panjang dipasang di beberapa lokasi berbeza sepanjang perairan berkenaan.

“Rondaan rutin giat dilaksanakan dan pihak kami sentiasa bertindak atas aduan awam berkaitan isu lambakan bubu naga di kawasan perairan terbabit.

“Penggunaan bubu naga diharamkan kerana sifatnya yang tidak selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan serta menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.